

06/10/1997

MCA, MIC sokong usaha PM

KUALA LUMPUR, Ahad - MCA dan MIC hari ini menyatakan sokongan tidak berbelah bagi terhadap kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani krisis mata wang yang melanda negara.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, membidas media asing kerana cuba memburuk-burukkan nama Perdana Menteri sehingga menyarakannya meletakkan jawatan berikutan krisis mata wang sekarang.

Dalam hubungan ini, katanya, MCA menyokong penuh kenyataan dan penjelasan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam.

Beliau juga yakin strategi belanjawan berhemah akan dikemukakan oleh Anwar.

"Semua kementerian sudah memberi kata sepakat mengenai perkara itu dan yakin Anwar yang banyak pengalaman sebagai Menteri Kewangan akan membentangkan belanjawan bermanfaat kepada semua pihak," katanya.

"Saya akan memberitahu Dr Mahathir bahawa kita seratus peratus berada di belakangnya. Kita tidak akan 'meninggalkannya' cuma kerana media asing cuba memburuk-burukkan nama beliau," katanya sambil menyuarakan sokongan penuh dan keyakinannya terhadap kepemimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata demikian selepas melancarkan Program Anak Angkat Projek Langkawi di Sekolah Kebangsaan Kian Kok, Kota Kinabalu, semalam.

Menurutnya, kejayaan Perdana Menteri dalam meletakkan Malaysia di mata dunia dengan pembangunan pesatnya untuk semua kaum tidak mudah dilupakan rakyat.

Sementara itu, MIC dijangka meluluskan resolusi menyokong kepemimpinan Dr Mahathir pada mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat Selasa ini.

Jurucakap MIC berkata, mesyuarat itu akan dipengerusikan oleh Presiden parti, Datuk Seri S Samy Vellu yang dijangka pulang ke tanah air esok bersama delegasi Perdana Menteri daripada lawatan selama 12 hari ke Amerika Selatan.

Semalam, Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata Pemuda berdiri teguh di belakang Dr Mahathir dan mempunyai penuh keyakinan terhadap beliau dalam menangani krisis mata wang yang melanda negara sejak Julai lalu.

(END)